

PROSES TUNTUTAN



1
Penerima manfaat mySalam dimasukkan ke hospital atau didiagnos menghidap penyakit kritikal dalam tempoh perlindungan*

2




Log masuk ke www.mysalam.com.my menggunakan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang diterima melalui SMS
Klik bahagian tuntutan

3a.



Tuntutan Manfaat Hospitalisasi
Untuk tuntutan manfaat hospitalisasi, masukkan maklumat yang diperlukan dan muat naik salinan Nota Discaj serta salinan depan dan belakang Kad Pengenalan

3b.



Tuntutan Penyakit Kritikal
Untuk tuntutan Penyakit Kritikal, muat turun borang berkenaan Penyakit Kritikal anda dan pastikan ianya diisi oleh doktor yang merawat. Muat naik borang yang lengkap serta salinan depan dan belakang Kad Pengenalan

4



Semak Sebelum Hantar
Sebelum anda klik Hantar, sila pastikan anda telah muat naik borang yang lengkap diisi dan salinan dokumen yang berkenaan bagi mengelakkan tuntutan anda ditolak

5




Tuntutan disemak dan diproses oleh Pengendali Takaful untuk kelulusan

6



Penerima manfaat mySalam boleh buat semakan status tuntutan melalui portal mySalam untuk perkembangan terkini. SMS akan dihantar untuk memaklumkan sama ada tuntutan diluluskan atau ditolak.

7



Bayaran tuntutan yang diluluskan akan dimasukkan terus ke akaun penerima manfaat mySalam

Maklumat Perhubungan

1 300 888 938
info@mysalam.com.my
www.mysalam.com.my

*Tempoh perlindungan bermula 1 Januari 2019

mySalam merupakan inisiatif untuk menubuhkan jaringan keselamatan sosial dalam aspek perlindungan takaful yang merangkumi golongan berpendapatan rendah secara percuma. Skim ini dijalankan buat kali pertama dalam sejarah Malaysia untuk memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan, mengurangkan beban kos sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Di bawah inisiatif
Belanjawan 2019

Tertakluk pada terma dan syarat

Diuruskan oleh
Great Eastern
TAKAFUL